

## **BAB DUA**

### **SEJARAH ROKOK, KANDUNGAN DAN KESAN MEROKOK**

#### **2.1 Pendahuluan**

Rokok adalah satu penggunaan secara harian bagi penggunanya. Bahkan ia menjadi satu rutin yang sukar dipisahkan dari diri pengamalnya secara total. Malah dari satu sudut yang lain pula, ia seolah-olah menjadi satu ketagihan yang amat berat untuk ditanggung oleh mereka yang mengamalkannya.

Kesannya ialah apabila rokok telah menjadi sebatи di dalam jiwa dan mencengkam perasaan pengamalnya, maka mereka seolah-olah menjadi hamba rokok. Mereka terpaksa berkejar ke sana dan ke mari semata-mata untuk mendapatkan rokok.

Di dalam bab ini, kajian dilakukan terhadap amalan merokok sehingga ia merebak ke seluruh dunia dan tidak terkecuali kepada semua peringkat manusia. Sebelum pengkaji pergi lebih jauh, adalah sebaiknya dinyatakan definisi tembakau dan rokok.

## 2.2 Definisi Tembakau dan Rokok

Dalam membahaskan definisi tembakau dan rokok, penulis telah membahagikan kepada dua pengertian iaitu ;

Dari segi bahasa, *Kamus Dewan* mentakrifkan tembakau ialah sejenis tumbuhan (herba yang daunnya dikeringkan dan diracik tipis-tipis untuk dibuat rokok, cerut dan lain-lain).<sup>9</sup> Manakala rokok diistilahkan sebagai tembakau yang digulung dalam daun nipah.<sup>10</sup>

Menurut *Mujam al-Wasit* pula, tembakau diertikan sebagai tanaman yang mengandungi unsur-unsur *Aubergine*<sup>11</sup> (*Solanacea*) yang digunakan untuk tujuan merokok dan ia juga ditanam untuk tujuan dijadikan perhiasan.

Manakala di dalam *Mujam al-Munjid* pula tembakau diertikan sebagai apa yang berkaitan dengan tembakau... yang merupakan sejenis tumbuhan yang berada di benua Amerika serta mengandungi racun.

<sup>9</sup> Kamus Dewan Edisi Baru (1989M), Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, hal : 1324.

<sup>10</sup> Ibid, hal 1072.

<sup>11</sup> Sejenis tumbuhan yang mengandungi unsur beracun dan memabukkan

Sementara itu, menurut pandangan <sup>c</sup>Abdul Wahhab bin <sup>c</sup>Abdul Salam Tawilah, beliau mendefinisikan kalimah rokok dari segi bahasa adalah berdasarkan kata terbitan dari perkataan دخن - بدخن ( dakhn - b'dakhn ) yang bermaksud asap tembakau yang dihembus dan berkepul-kepul setelah dinyalakan.<sup>12</sup>

Dari beberapa takrifan di atas menunjukkan rokok adalah suatu bahan yang terhasil dari tembakau yang diracik halus dan digulung atau dibungkus dengan berbagai bentuk serta mengandungi unsur-unsur beracun.

Manakala rokok dari segi istilah, para fuqaha' Islam tidak sependapat dalam mendefinisikan tembakau dan rokok. Perbincangannya adalah seperti di bawah;

Menurut pandangan <sup>c</sup>Abdul Wahhab bin <sup>c</sup>Abdul Salam Tawilah, tembakau diistilahkan sebagai tumbuhan yang mendatangkan ketagihan semasa digunakan, mempunyai pasaran yang meluas, diproses melalui daunnya, bau tembakau boleh menjangkau di antara satu hingga satu setengah ela pada cuaca yang sederhana. Manakala semasa cuaca panas, baunya boleh menjangkau sehingga lima ela.<sup>13</sup>

Bagi Syu<sup>c</sup>ib <sup>c</sup>Abdul Mun<sup>c</sup>im al-Ghabbasyi pula, tembakau merupakan tumbuhan membukukan yang berbahaya, mengandungi agen-agen tertentu dan merbahaya yang dikenal pasti seperti *Belladonna*, *Aubergine (Solanacea)* dan

<sup>12</sup> <sup>c</sup>Abdul Wahhab bin <sup>c</sup>Abdul Salam Tawilah (1986M/1406H). *Fiqh al-Asyirah wa Hadduhah Aw Hukm al-Islam fi al-Muskrat wa al-Mukhaddirat wa al-Tadkhin wa Turuq Mu'alajatiha*, Kaherah : Dar al-Salam, hal : 435.

<sup>13</sup> Ibid

Hyoscyamus. Agen-agen ini adalah sebahagian dari kandungan potassium dan ammonia<sup>14</sup> yang membawa maksud sebagai Nikotin.<sup>15</sup>

Sementara Imam Badruddin al-Zarkasyi pula menyatakan rokok sebagai Cannabis Indiaca<sup>16</sup> (الحیدریة الہندی), al-Haidariah<sup>17</sup> (القتب الہندی) dan al-Qalandariah<sup>18</sup> (القلندریة).

Oleh itu, berdasarkan dari beberapa pengertian di atas boleh disimpulkan secara umumnya bahawa rokok adalah benda yang terhasil dari tembakau yang diracik-racik halus dan digulung lalu disedut untuk dinikmati sehingga mendatangkan suatu keadaan ketagihan melampau terhadap pengamalnya. Ini disebabkan wujudnya agen-agen yang dikenal pasti boleh mengkhayalkan penggunanya atau secara ringkasnya dinamakan nikotin. Ia juga mengandungi unsur-unsur yang boleh membunuh secara perlahan-lahan atau racun.

Walau pun rokok merupakan perkara yang kurang baik, syariat Islam mengklasifikasikan rokok di dalam bab makanan dan minuman. Terdapat ayat al-Quran yang menyebutnya tidak secara langsung atau umum yang meliputi semua bentuk makanan dan minuman, namun ayat-ayat al-Quran menyarankan agar manusia

<sup>14</sup> Rohi Ba'salbaki, Dr, (1999M), *al-Mawrid Qamus Arab-Inggeris*, C. 11, Beirut : Dar El-Ilm Lilmalayin, hal : 1171

<sup>15</sup> Syu'ib 'Abdul Mun'im al-Ghabbasi (t.t), *al-Sijarah Muqabbirah al-Mudakhkhanin*, Kaherah : Dar al-Fadhilah, hal : 15

<sup>16</sup> al-Sayyid Ahmad Farj (1990M/1411H), *Zahru al-Arisy fi Tahrim al-Hasyisy lil Imam Badruddin al-Zarkasyi*, C. 2, tpt : Dar al-Wafa', hal : 89 - 91.

<sup>17</sup> Bermaksud rokok atau ganja. Perkataan ini diambil bersempena dari nama seorang ahli sufi, Syeikh Haidar yang mengharuskan penggunaan rokok. Beliau wafat pada 618H dan dikebumikan di Tasyawar, Khurasan

<sup>18</sup> Bermaksud rokok atau ganja. Perkataan ini diambil bersempena dari nama seorang ahli sufi, Muhammad al-Syirazi al-Qalandari

mencari makanan dan minuman yang bersih, halal dan baik-baik sahaja. Antaranya ialah;

يَتَأْلِهَا الرُّؤْسُ كُلُّهُ مِنَ الظَّبَابِتِ وَأَعْمَلُوا صَدِيقًا إِنِّي بِمَا تَمْلُونَ عَلَيْهِ

Ertinya : "Wahai rasul-rasul makanlah dari benda-benda yang baik lagi halal dan kerjakanlah amal-amal yang soleh; sesungguhnya Aku amat Mengetahui akan apa yang kamu kerjakan"

Surah al-Mukminun (23) : 51

Firman-Nya yang lain;

لَقَدْ كَانَ لِسَبِيلِ فِي مَسْكِنِهِمْ عَائِدَةً جَنَّاتٍ عَنْ يَوْمِينِ وَشَمَالٍ كُلُّهُ مِنْ رِزْقٍ  
رَبِّكُمْ وَأَشْكُرُوا لَهُ بَلْدَةً طَيِّبَةً وَرَبُّ غَفُورٌ ﴿١٥﴾

Ertinya : " Demi sesungguhnya! Adalah bagi penduduk bagi negeri Saba` satu tanda (yang membuktikan kemurahan Allah) yang terdapat di tempat tinggal mereka, iaitu : dua kumpulan kebun (yang luas lagi subur), yang terletak di sebelah kanan dan di sebelah kiri (qaryah mereka). (Lalu dikatakan kepada mereka): "Makanlah dari rezeki pemberian tuhan kamu dan bersyukurlah kepada-Nya; (negeri kamu ini adalah) negeri yang baik (aman dan makmur), dan (tuhan kamu adalah) Tuhan yang Amat Pengampun "

Surah Saba` (34) : 15

Firman Allah yang lain pula;

يَتَأْلِهَا النَّاسُ كُلُّهُ مِمَّا فِي الْأَرْضِ حَلَالًا طَيِّبًا وَلَا تَتَبَعُوا خُطُواتِ  
الشَّيْطَنِ إِنَّهُ وَلَكُمْ عَذْوَنٌ مُّبِينٌ ﴿١٦﴾

Ertinya : " Wahai sekalian manusia! Makanlah dari apa yang ada di bumi, yang halal lagi baik, dan janganlah kamu ikut jejak langkah syaitan, kerana sesungguhnya syaitan itu ialah musuh yang terang nyata bagi kamu ".

Surah al-Baqarah (2) : 168

Maka boleh kita katakan bahawa rokok atau tembakau merupakan satu bentuk makanan atau minuman untuk manusia. Ini kerana di dalam ayat-ayat yang disebut di atas, bentuknya adalah umum yang merangkumi semua jenis makanan dan minuman dengan saranan memilih yang baik sahaja. Apa yang berbeza ialah bentuk penggunaannya sahaja iaitu rokok bukan terdiri dari perkara yang baik, malah tidak mempunyai manfaat langsung.

## 2.3 Sejarah Penemuan dan Penggunaan Tembakau

Kajian ini meninjau sejarah awal penemuan rokok dan perkembangan-perkembangannya di Eropah dan dunia Islam

### 2.3.1 Penemuan dan Penggunaan Tembakau di Eropah

Mengikut kajian, sejarah rokok mula ditemui pada tahun 1492 Masehi di benua Amerika oleh Christoper Columbus bersama-sama anak-anak kapalnya. Sesetengah pihak mendakwa, rokok telah dijumpai lebih awal lagi sebelum penemuannya oleh Christoper Columbus lagi.<sup>19</sup>

Manakala Christoper Columbus bersama-sama anak-anak kapalnya telah menemui rokok di perkampungan orang asli di negara Tobago, yang terletak di teluk Mexico di mana orang-orang asli (Red Indian)<sup>20</sup> telah menghisap rokok. Ini

<sup>19</sup> Abdul Wahhab bin Abdul Salam Tawilah (1986M/1406h0, op. cit., hal : 436.

<sup>20</sup> Muhammad Amin 'Uthman (1995M/1416H), *Mulaf al-Tadkhin al-Syayahhi wa al-Mali fi Mizan al-Islam*, Beirut : Dar al-Kalim al-Tayyib, hal : 13.

menyebabkan mereka telah mencubanya. Akhirnya mereka membawa pulang tabiat ini ke Eropah.

Christoper Columbus telah menulis mengenai rokok dengan menyatakan

*“ Ketika saya dalam perjalanan ke Pernandina, saya telah melihat seorang lelaki bersamanya sejenis benda yang busuk yang didapati mempunyai nilai tinggi pada manusia di kawasan Santa Maria. Kemudian mereka mendatangi saya lalu menghadiahkannya kepada saya. Ketika itu, saya berada di Salvador ”.<sup>21</sup>*

Ada pihak mendakwa rokok mula ditemui oleh Francisco; beliau adalah seorang doktor yang dihantar oleh Raja Sepanyol, Philip II; yang diarah keluar mengembara untuk membuat penyelidikan pada tahun 1492M.<sup>22</sup>

Menjelang tahun 1497M, rokok pula mula memasuki Eropah sehingga menjadi masyhur pada tahun tersebut seperti yang didakwa oleh Ramon Pane.

Pada tahun 1519M, didapati kertas-kertas yang menggulung tembakau mula diperkenalkan di Eropah iaitu di kawasan pertengahan perjalanan ke Oviedo, tetapi ia tidak dapat dibuktikan.<sup>23</sup>

Sesetengah mendakwa bahawa seorang pengembara Perancis; bernama Jan Nikot semasa pengembalaannya menuju ke Portugal, telah menemui tembakau lalu menanamnya di taman rumahnya kerana kecantikan daun dan keharuman bunganya. Rentetan dari itu, pada tahun 1559M, wujudnya nama Nikotin yang terhasil dari daun-

<sup>21</sup> Ahmad bin ‘Abdul ‘Aziz al-Hussain (20/12/ 1409H), al-Tadkhin Haza al-Waba’ al-Qatil, Taif : Maktabah al-Tarafain, hal : 9.

<sup>22</sup> Abdul Wahhab bin ‘Abdul Salam Tawilah ( 1986M/1406H), op. cit., hal : 436.

<sup>23</sup> Ahmad bin ‘Abdul ‘Aziz al-Hussain ( 20/12/ 1409H), op. cit., hal : 9.

daunnya sempena nama beliau. Semenjak itu, tanaman tembakau telah meluas ke seluruh Eropah kerana ia dianggap sebagai ubat ke atas beberapa penyakit. Ini telah membantu menularnya amalan merokok ke atas masyarakat dengan cepat.<sup>24</sup>

Menurut pandangan Muhammad Amin °Uthman pula, pada tahun 1560 Masihi, nikotin yang dibawa oleh pengembara Perancis didapati mempunyai kadar kimia yang tinggi yang berasal dari tembakau. Kemudian tembakau ini dihadiahkan kepada raja Perancis ( iaitu Ratu Catherine De Masis).

Maka tembakau mula dikenali di Eropah pada akhir kurun 15M dan tersebar secara meluas di sana pada kurun ke-16M. Pada akhir kurun ke-16 Masihi, rokok didapati telah berkembang pesat di seluruh Eropah.<sup>25</sup> Penggunaan rokok dianggap sebagai ubat terutamanya dalam melegakan penyakit selsema.

Keadaan buruk yang melanda wilayah barat Eropah akibat rokok menyebabkan Raja Britain, James I mengisytiharkan perang ke atas rokok iaitu pada tahun 1604 Masihi.<sup>26</sup> Ini disebabkan berlakunya penyakit lupa ingatan yang meluas di kalangan perokok-perokok pada masa itu.

<sup>24</sup> D�'ya' al-Din al-Jahhas, Dr, (1986M), *Ma'alijah al-Tadkhir Bain al-Atibba' wa al-Syar'iyyah*, Damsyik : Dar Ibnu Hayyan, hal : 13.

<sup>25</sup> Muhammad Amin °Uthman (1995M/1416H), op. cit., hal : 13 – 14.

<sup>26</sup> Abdul Wahhab bin °Abdul Salam Tawilah (1986M/1406H), op. cit., hal : 436

Secara keseluruhannya, rokok mula memasuki wilayah Eropah pada akhir kurun 15M dan berkembang pesat pada kurun 16. Keburukan rokok mula dikesan pada awal kurun 17M sehingga pernah diisyiharkan sebagai haram.

### 2.3.2 Penggunaan Tembakau di Alam Islam

Manakala perkembangan rokok di negara-negara Islam pula, dapat dilihat pada akhir tahun 10 Hijrah. Ia dibawa oleh orang-orang Kristian. Manakala ia dipopularkan oleh orang-orang Yahudi di Maghribi apabila mereka mendakwa rokok adalah ubat. Kemudian selepas itu, ia berkembang ke seluruh wilayah-wilayah Islam yang lain.<sup>27</sup>

Imam al-Haskafi al-Hanafi (w. 1088H) telah mengatakan di dalam kitabnya (*al-Durr al-Mukhtar : Syarh al-Tanwir al-Absar*) di dalam bab minuman, bahawa Syeikh al-Najm al-Ghazi al-Syaffi'e (977H - 1061H) telah berpendapat;

“ Tembakau yang hangat diperkatakan itu telah muncul di Damsyik pada tahun 1015H ”<sup>28</sup>

Al-Syeikh Saleh al-Hifni al-Maliki al-Halwani al-Zaqzaqi berkata bahawa kemasukan rokok ini boleh dilihat dari kenyataan al-Syeikh al-Laqani iaitu,

<sup>27</sup> Ibid

<sup>28</sup> Ibnu 'Abidin (1998M/1419H), *Radd al-Mukhtar 'ala ad-Durr al-Mukhtar al-Ma'ruf Bi Hashiah Ibnu 'Abidin wa Yalihi Qurrah 'Uyun al-Akhyar*, tahqiq Muhammad Subhi Hallaf dan 'Amir Hussein, Juzuk 10, Beirut : Dar al-Ifaya' al-Turath al-'Arabi, hal : 40.

*" Rokok ditemui di alam Islam di antara akhir kurun ke sepuluh hijrah (1095H) dan awal sebelas hijrah. Orang Yahudi yang memperkenalkannya di bumi Rom dan bumi Maghribi. Kemudian membawanya masuk ke Mesir, Hijaz, India dan ke seluruh alam Islam. Orang yang pertama membawanya masuk ke Mesir ialah Ahmad bin 'Abdillah al-Khariji, orang yang suka menumpahkan darah dan suka mehghina kerajaan Maghribi. Ia juga seorang penipu, ahli sihir dan suka memfitnah".<sup>29</sup> Al-Syeikh Ahmad bin Muhammad al-Manqur menaqalkan dari Abi al-Hasan al-Misri al-Hanafi kenyataan berikut;*

*" Orang yang membawa masuk rokok ke wilayah Islam ialah Yahudi, Nasrani dan Majusi. Seorang Yahudi telah mendakwa ia adalah seorang pakar dari Maghribi lalu mengajak orang ramai mengikuti amalan itu (merokok). Orang mula-mula membawanya ke Bar ar-Radami ialah seorang Nasrani bernama Itkin. Seorang Majusi pula telah membawanya masuk ke Sudan. Kemudian merebak ke Mesir, Hijaz dan seluruh wilayah Islam."<sup>30</sup>*

Kenyataan ini turut ditekankan oleh Abi al-Hasan al-Misri al-Hanafi bahawa rokok muncul pada awal 1000 Hijrah.<sup>31</sup>

Solah Muntasir telah memperincikan tarikh kemasukan rokok ke wilayah Islam iaitu

*' Rokok mula muncul di Turki pada tahun 1605M semasa kemasukan kerajaan Konstantin pada zaman Sultan Ahmad al-Qanuni. Manakala di wilayah Arab pula, para penyelidik telah berselisih pendapat tentang kemasukannya ke sana. Di dalam kitab 'Syarh an-Najm al-Qari al-Syafi' yang diambil dari bapanya, al-Badr menerusi kitab 'al-Kabair wa al-Saghair' bahawa rokok muncul di Damsyik pada tahun 1015 Hijrah bersamaan tahun 1606/1607 Masehi iaitu muncul pada tahun berikutnya selepas di Turki. Manakala di Mesir pula, al-Ishaqi telah menyebut di dalam kitab sejarahnya, di bawah tajuk (Asal Rokok) bahawa tembakau muncul pada akhir tahun 1161M. Sementara itu, al-Syeikh 'Abdullah al-Ghazi al-Hindi menerusi kitabnya; 'Tarikh Ifadah al-Anam bi Zikr Ahbar Baladillah*

<sup>29</sup> Ahmad bin 'Abdul Aziz al-Hussain (20/12/1409H), op. cit., hal : 11

<sup>30</sup> al-Syeikh Ahmad bin Muhammad al-Manqur al-Tamimi al-Najdi al-Hanbali (1380H), *al-Jawakih al-Adikah fi al-Masail al-Mufidah*, Juzuk 2, Damsyik : al-Maktab al-Islami, hal : 80.

<sup>31</sup> Muhammad bin Ibrahim (t.t), *Fatwa fi Hukmi Syurbi al-Dukhan*, t.tpt : Idarah al-Buhuth al-'Ilmiyah wa al-Itfa' al-Sa'udiah, hal : 5; 'Ubaid bin 'Abdul Rahman bin Jabirin (t.t), *al-Tadkhin Madatuhu wa Hukmuhu fi al-Islam*, Kaherah : Maktabah Ibnu Taimiyah, hal : 13.

*al-Haram*', rokok memasuki Mesir pada tahun 1012M iaitu pada zaman 'Ali Basha. Begitu juga, rokok mula muncul di tanah Hijaz, Makkah dan Syam pada tarikh yang sama. Ganja mula di tanam secara meluas pada tahun 1799M. Kemudian ia berkembang pesat pada zaman kemajuan Mesir iaitu tahun 1829M sehingga terdapat ramai perokok di seluruh pelosok Mesir.

31

Kesimpulannya, rokok memang telah memasuki Alam Islam secara berleluasa semenjak 1000 hijrah lagi. Walau pun para 'ulama berselisih tentang tarikh yang sebenar namun, pertumbuhannya tetap rancak dan meluas ke seluruh wilayah Islam kemudiannya sehingga ke hari ini.

Tembakau mula dibuat perusahaan secara produktif pada 25 Jun 1890M sehingga diharamkan penanamannya di Mesir. Kerajaan Mesir mula menghalang perusahaan ini dari dieksport dan antara sebab-sebab yang menghentikannya ialah kandungan racun yang wujud di dalam rokok sehingga tidak dibenarkan menanamnya lagi'.<sup>32</sup>

Selepas itu, negara-negara Islam memanggilnya dengan nama al-Tabagh (التبغ) yang bererti rokok sehingga kalimah asal, Tobago lenyap dan diganti dengan al-Tabagh.<sup>33</sup>

<sup>32</sup> Solah Muntasir (t.t.), *Risalah ila Mudakhkhin, Kitab al-Yaum al-Tibbi*, Bilangan 131, Kaherah, hal :

36.

<sup>33</sup> Muhammad Amin 'Uthman (1995M/1416H), op. cit., hal : 14.

Jadi jelas di sini, rokok mula memasuki alam Islam pada awal kurun 11 hijrah iaitu bermula di Turki dan Damsyik. Kemudiannya berkembang ke seluruh wilayah Islam secara meluas termasuk ke kawasan Asia. Pada awal kurun 12 hijrah, rokok telah meresap ke seluruh wilayah Islam dengan jayanya.

#### 2.4 Kandungan-kandungan Rokok

Di dalam bab ini, kajian akan menyentuh tentang kandungan-kandungan rokok. Ini bertujuan untuk menentukan hukum merokok sesuai dengan pengamalannya pada zaman sekarang. Selain itu, pengambilan hukum oleh para fuqaha` ke atas amalan merokok sedikit sebanyak berpunca dari kandungannya.

Ini kerana rakyat Malaysia terutamanya dari golongan remaja adalah perokok yang amat ketara. Adalah dianggarkan seramai 3.5 juta dari 22 juta rakyat Malaysia adalah perokok yang aktif di mana 11% atau 385,000 ribu darinya terdiri dari remaja. Kementerian Kesihatan telah menganggarkan setiap hari antara 45 – 50 remaja memulakan tabiat merokok dengan sebahagian besar daripadanya akan terus menjadi penagih rokok sehingga dewasa.

Ketika ini, industri rokok telah berjaya memerangkap 1.15 bilion orang di seluruh dunia untuk menjadi perokok yang setia dengan 82% perokok di serata dunia – adalah penduduk negara berpendapatan rendah dan sederhana.

Di Malaysia, pada tahun 1950-an dan 1960-an, kita jarang melihat orang merokok tetapi pada tahun 1970-an dan awal 1980-an, kadar merokok meningkat ke tahap 40% di kalangan lelaki dan 5% di kalangan wanita. Kajian pada akhir tahun 1980-an dan awal 1990-an telah menunjukkan kadar merokok terus meningkat iaitu antara kalangan wanita. Kajian pada akhir tahun 1980-an dan awal 1990-an telah menunjukkan kadar merokok terus meningkat iaitu antara 70 – 80% di kalangan lelaki dan 10% di kalangan wanita.<sup>34</sup>

Namun, kajian terbaru menunjukkan kadar kelaziman merokok di kalangan dewasa sebanyak 24.8%. Manakala kadar kelaziman merokok di kalangan lelaki dewasa adalah 50% dan di kalangan wanita adalah 3.5%. Kajian yang dilakukan pada tahun lalu juga menunjukkan kadar kelaziman merokok di kalangan remaja di bawah umur 18 tahun secara keseluruhannya mencapai 18.2% dengan remaja lelaki 29% dan remaja perempuan 8%, berbanding 16.7% pada tahun 1996. Kenaikan jumlah ini ada hubungan dengan strategi pemasaran yang dilakukan oleh syarikat rokok yang sengaja ditujukan kepada golongan remaja.<sup>35</sup>

<sup>34</sup> Hashimi Bohari (1997M), Isu-isu Kesihatan Masyarakat, Kuala Lumpur : Universiti Kebangsaan Malaysia, hal : 46.

<sup>35</sup> Ridzuan Yop, Berita Harian (31 Mei 2000), hal : 12.

Kandungan kimia yang wujud di dalam tembakau mula dikesan pada awal tahun 1829M. Walau bagaimanapun, seorang pakar, Pinner menyatakan kandungan kimia mula dikesan dengan tepat pada tahun 1893M.<sup>36</sup> Kandungan rokok mengandungi dua elemen iaitu;

#### 2.4.1 Bahan-bahan Beracun

Sebenarnya kandungan rokok mengandungi pelbagai jenis bahan kimia, kesemuanya membawa kandungan racun yang merbahaya. Walau bagaimanapun, orang ramai atau sebahagian mereka hanya mengetahui ia mengandungi unsur nikotin sahaja sedangkan dari segi hakikat adalah sebaliknya. Antara bahan-bahan beracun yang kuat ialah;

a) Nikotin

Ia dianggap dadah beracun yang paling merbahaya dalam penemuan manusia masa kini. Jika diberikan melalui suntikan pada saluran urat darah sebanyak satu mgm.(miligram) sahaja, ia boleh membunuh manusia<sup>37</sup>.

Ia bertindak terhadap pusat kepuasan di otak yang menyebabkan perokok terangsang pada peringkat awal, tetapi keadaan itu kemudiannya disusuli dengan kemurungan. Selain itu, nikotin meningkatkan kepekaan mental. Seseorang yang

<sup>36</sup> Dhya' al-Din al-Jahhas, Dr. (1986M), op. cit., hal : 14.

<sup>37</sup> Rasul Dahri (1997M), *Hukum Mengenai Rokok & Mencukur Janggut*, Johor : Perniagaan Jahabersa, hal : 15

merokok, kadar nikotin hanya mengambil masa 10 saat untuk sampai ke otak yang sekaligus menjadi punca ketagihan.<sup>38</sup>

Dengan itu, perokok mendakwa ia boleh menambahkan ketajaman mental dan mendatangkan ilham. Jadi lama-kelamaan mereka mengulang-ulang perbuatan itu dengan tujuan yang sama. Akhirnya mereka perlu merokok dengan lebih banyak untuk mendapatkan rangsangan yang sama.

Corak penagihan ini adalah sama seperti menagih *Kokain, Amphetamine dan Morfin*. Nikotin juga meningkatkan penghasilan bahan kimia bernama *dopamin*, yang berkait rapat dengan pusat emosi di otak.

Menurut peraturan di Amerika Syarikat dan negara-negara maju di Eropah yang lain, setiap sebatang rokok hanya dibenarkan mengandungi kadar nikotin yang jumlahnya mesti kurang dari 1 mgm. sahaja. Walau bagaimanapun, usaha-usaha mengamalkannya tidak dipraktikkan secara berkesan di Eropah. Malah di negara-negara membangun dan mundur, kandungan nikotin dan tar dalam rokok jauh lebih tinggi lagi. Jadual 2.4.1a menunjukkan kedudukan kandungan rokok yang sebenar.

Kandungan nikotin yang berlebihan menjadi daya tarikan terhadapnya, walau pun saluran nadi pengamalnya akan menjadi sempit. Inilah antara punca berlakunya kerosakan otak. Kandungan nikotin dalam rokok tempatan adalah jauh lebih tinggi berbanding dengan negara-negara Barat seperti jadual di bawah;

<sup>38</sup> Fadzlena jafar, (1 Jun 2000), op.cit, hal : 5

Jadual 2.4.1a : Kandungan Nikotin dan Tar Dalam Rokok Tempatan Dan Rokok Di United Kingdom

Jenama	Mgm Nikotin/batang		Mgm Tar/batang	
	Malaysia	UK	Malaysia	UK
Marlboro	1.1	0.9-1.0	17-22	13
Winston	1.3	1.1	17-22	-
Benson & Hedges	1.6	1.1-1.5	17-22	14-16
Capstan	1.3	1.5	23-28	18-25
Peter Stuyvesant	1.9	0.7-1.4	23-28	7-14
Dunhill	1.8	0.8-1.3	23-28	8-15
Players Golf Leaf	1.5	0.9-1.4	23-28	8-15
Lucky Strike	1.5	-	23-28	-
Rothmans	1.9	1.6-17	23-28	16
Camel	2.1	1.3	23-28	17
Gudang Garam	2.4	-	Lebih 29	-

Sumber : Hashimi Bohari (1997M), Isu-isu Kesihatan Masyarakat, Kuala Lumpur : UKM

Kesan nikotin ialah ia memaksa jantung bekerja lebih. Oleh itu, ia bermakna keperluan oksigen semakin bertambah walau pun pada waktu rehat. Apabila berlaku tekanan (stres), keperluan oksigen semakin tinggi dan mungkin tidak dapat dibekalkan ke otot-otot jantung. Lantas, ini boleh mengakibatkan kegagalan jantung untuk berfungsi dengan sempurna sehingga boleh menyebabkan aterosklerosis, iskaemia miokardium, aritmia dan kematian mengejut.

Nikotin turut digunakan sebagai racun serangga. Sekiranya pengguna terdedah dengannya secara berlebihan, ia boleh mengakibatkan gejala-gejala seperti loya, muntah, cirit-birit, peluh, rasa sejuk, sakit kepala, gangguan pendengaran dan penglihatan, ketidakstabilan mental dan tubuh merasa lesu dan tidak bermaya. Dalam keadaan yang teruk, ia boleh membawa maut.

Walaupun pada asasnya, nikotin tidak dapat dikaitkan dengan penyakit kanser, namun kajian mendapati bahan kimia itu berkait rapat dengan kanser hati pada tikus. Nikotin dalam tubuh diproses di hati dan menghasilkan kotinin dan tindak balas nikotin dengan nitrit semasa pemprosesan tembakau telah terbukti menghasilkan *nitrosamin* iaitu sejenis bahan kimia yang terbukti bersifat karsinogenik yang boleh menyebabkan kanser pada haiwan termasuk manusia. Bahan-bahan kimia lain yang bersifat toksid serta karsinogenik yang terdapat dalam asap rokok dan ia boleh membahayakan seluruh manusia adalah berdasarkan jadual di bawah;

Jadual 2.4.1b : Agen-agen Toksid Pada Fasa Gas dan Fasa Pertikel Pada Asap Rokok

Bahan Kimia	Aktiviti biologis	Kepekatan bagi sebatang rokok
<b>a. FASA GAS</b>		
Dimetilnitrosamin	Karsinogen	1.0 – 20 ng
Etilmetilnitrosamin	Karsinogen	0.1 – 10 ng
Nitrosopirolidin	Karsinogen	0.0 – 10 ng
Lain Sebatian Nitrosamin	Karsinogen	0.0 – 20 ng
Hidrazin	Karsinogen	24.0- 20 ng
Vinil Klorida	Karsinogen	1.0 – 16 ng
Ureten	Tumor Pencetus	10.0- 35 ng
Formaldehid	Siliatoksid	20.0 – 30 mg
Akrolein	Siliatoksid	23.0 – 140mg
Asetaldehid	Siliatoksid	18.0-1400mg
Nitrogen Oksid	Agen Toksid	10.0- 600 mg
Ammonia	Agen Toksid	10.0- 150 mg
Piridin	Agen Toksid	9.0 – 93 mg
Karbon Monoksida	Agen Toksid	2.0 – 20 mg
Akrilonitril	Karsinogen	3.2 – 15 mg
2-nitropropen	Karsinogen	0.73 – 1.21mg

## b. FASA PARTIKEL

Benzo (a) pairin	Tumor Pencetus	10 – 15 ng
5-Metilkrisin	Tumor Pencetus	0 – 6 ng
Dibent(a,b) antrasin	Tumor Pencetus	40 ng
Benzo (b) fluranten	Tumor Pencetus	30 ng
Benzo (j) fluranten	Tumor Pencetus	60 ng
Pairin	Ko-karsinogen	50 – 200 ng
Metilpairin	Ko-karsinogen	50 – 300 ng
Flurantan	Ko-karsinogen	100 – 260 ng

---

Sumber : Jabatan Kimia Malaysia

## b) TAR

TAR yang wujud pada rokok adalah bahan lekit yang berwarna kuning keperangan yang terkumpul di dalam paru-paru. Ia boleh dilihat melalui tanda kekuningan pada gigi yang sukar dihilangkan. Lubaib Baidhun berpendapat bahawa TAR ini adalah agen pembakar tanpa sedar melalui rokok iaitu ia menimbulkan kesan kekuningan terhadap kuku.<sup>39</sup> TAR boleh menyebabkan pelbagai penyakit kanser dan penyakit pernafasan seperti bronkitis, asma dan emfisema. Jumlah tar dan nikotin dalam setiap batang rokok adalah berbeza.

Bahan tar apabila masuk ke dalam sistem tubuh akan diubahsuai di hati kepada suatu bahan yang dikenali sebagai epoksida. Ia amat merbahaya kerana melalui tindakannya pada DNA yang merupakan unit asas pembiakan baka, boleh menyebabkan pertumbuhan sel yang tidak normal (kanser) pada organ, terutamanya di paru-paru.<sup>40</sup>

<sup>39</sup> Ahmad bin Abdul Aziz al-Hussain (20/12/1409H), op. cit., hal : 16

<sup>40</sup> Nor Anita Megat Mohd Nordin dan Che Mazlan Saad (1997), *Merokok Membakar Diri, Wang dan Keluarga*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, hal : 14 -16.

c) Karsinogen

Bahan ini adalah beberapa elemen yang mengakibatkan kanser kepada perokok dan mereka yang kerap terdedah dengan asapnya walau pun seseorang itu bukan perokok. Maka perokok bukan sahaja membahayakan diri sendiri, malah mereka mendedahkan golongan bukan perokok kepada bahaya akibat terhadap asap rokok yang mempunyai bahan beracun. Ini secara tidak langsung menjadikan mereka agen yang menyebarkan kanser paling berkesan dan paling mudah.

d) Benzpyrene

Bahan kimia ini merupakan sejenis racun karsinogenik. Sekiranya ia dicairkan atau dilarutkan ke dalam makanan hanya pada kadar nisbah 1 : 1000, kemudian diberikan kepada seekor tikus, haiwan ini akan didapati berpenyakit kanser.<sup>41</sup> Ini menunjukkan nahawa Benzpyrene merupakan agen yang membawa penyakit kanser yang sangat merbahaya. Ia boleh membunuh pengidapnya dengan pantas.

e) Phenols

Bahan kimia ini yang terdapat di dalam nikotin telah terbukti merupakan punca utama kepada kerosakan saraf dan urat-urat halus di dalam saluran pernafasan. Setiap jenis rokok pasti mempunyai kadar bahan merbahaya ini dengan kadar yang berlebihan. Ia mudah membunuh sistem saraf manusia dengan mudah atau sekurang-

<sup>41</sup> Rasul Dahri (1997M), op. cit. hal : 16

kurangnya membawa pelbagai gejala penyakit sampingan yang akan menghantui kehidupan manusia sejagat.

f) Ko-Karsinogen

Bahan ini apabila bercampur dengan bahan-bahan kimia lain di dalam rokok, akan lebih menggalakkan lagi gejala kanser. Ia adalah bahan larut yang sukar dikesan dengan mudah.

Menurut kenyataan Kementerian Kesihatan Malaysia yang diterbitkan oleh Bahagian Pendidikan Kesihatan bahawa kanser paru-paru merupakan kanser yang paling tinggi kejadiannya dan penyebab utama kematian di Malaysia. Sejumlah 95% dari pesakit kanser paru-paru meninggal dunia dalam *tempoh lima tahun* selepas diogosa dilakukan.<sup>42</sup>

#### 2.4.2 Gas-gas Beracun Di Dalam Rokok

Sebenarnya terdapat dua jenis lagi gas beracun yang sangat merbahaya dan boleh mengganggu kesihatan manusia akibat dari setiap batang rokok yang dihisap. Kedua-dua jenis gas ini mengancam keseluruhan ekosistem apabila kuantitinya semakin bertambah. Ini sangat merbahaya kepada penduduk, bahkan tanaman dan ternakan turut terancam dengan sebabnya. Kedua-dua gas tersebut ialah gas karbon monoksida dan gas hidrogen sianida. Apa yang boleh dijelaskan adalah seperti berikut;

<sup>42</sup> Ibid, hal : 16 - 17

- a) Gas Karbon Monoksida adalah gas yang tidak berbau dan tidak berwarna sehingga ia lebih mudah bercantum dengan hemoglobin darah berbanding dengan oksigen. Gas ini boleh menyebabkan darah menjadi kurang aktif dan boleh menjelaskan keupayaan darah untuk membekalkan oksigen ke tisu-tisu tubuh. Untuk menampung kekurangan ini, maka jantung dan paru-paru perlu bekerja lebih keras lagi. Ia juga boleh merosakkan dinding arteri dan mendorong berlakunya penyakit jantung.<sup>43</sup>
- b) Gas Hidrogen Sianida ini terbukti mengandungi racun yang mendatangkan kesan merbahaya kepada fizikal manusia dan risiko buruk terutamanya terhadap janin. Gas ini memberi kesan sehingga boleh menyebabkan keguguran pada kandungan tersebut atau mati dalam kandungan, mengalami bronkitis dan menyebabkan kecacatan kepada bayi yang akan dilahirkan.<sup>44</sup> Gas ini juga sering digunakan dalam bilik gas untuk hukuman mati terhadap banduan-banduan yang didapati melakukan kesalahan-kesalahan berat. Kebiasaannya, mereka tidak diberi pengampunan dan kebebasan bersyarat.<sup>45</sup>

Jadi rokok mengandungi semua agen-agen perosak ke atas sistem tubuh manusia sehingga boleh menamatkan nyawa seseorang secara segera atau perlahan-lahan. Pada rokok, tidak terdapat sebarang perkara dan perbuatan yang dapat memberi faedah kepada penggunanya bahkan menambahkan mudharat. Kemudharatan yang berlaku bukan mudah untuk diatasi dengan wang ringgit, malah

<sup>43</sup> Nor Anita Megat Mohd Nordin dan Che Mazlan Saad (1997M), op. cit., hal : 17.

<sup>44</sup> Rasul Dahri, op. cit. hal : 20

<sup>45</sup> Fadzlena Jafar (1 Jun 2000), op. cit., hal : 5

dengan nyawa terpaksa dipertaruhkan. Ini sangat merbahaya bagi agama Islam dan umatnya.

## 2.5 Penutup

Ternyata bahawa rokok boleh menyebabkan punca kematian semakin bertambah. Nisbah kematian akan meningkat dengan pertambahan jumlah perokok, jangka masa telah merokok, merokok semenjak berusia muda dan perokok yang menyedut asap rokok secara berlebih-lebihan.

Kematian ini berpunca dari penyakit jantung koronari, kanser paru-paru dan paru-paru obstruktif kronik. Perokok yang menggunakan paip atau cerut pula, mereka dikaitkan dengan kematian akibat kanser salur pernafasan atas, termasuklah kanser rongga mulut, laring dan esophagus.<sup>46</sup>

Kesan bahan kimia menyebabkan dinding salur nadi luka berparut dan menjadi semakin tebal. Pengambilan rokok yang berterusan menyebabkan rongga salur nadi tersumbat menyebabkan darah sukar melalui salur nadi kecil di seluruh rongga dan boleh menyebabkan kesan yang lebih buruk. Umpamanya, kematian mengejut, strok dan lumpuh anggota badan ( salur darah ke otak tersumbat ), ulser kaki yang melarat dan terpaksa dipotong kaki pada pesakit Burgers ( salur darah ke kaki tersumbat ).

<sup>46</sup> Hashimi Bohari (1997M), op. cit., hal : 50

Pada sistem pernafasan, asap yang dihidu mengandungi bahan beracun dan menyebabkan sel-sel pada rongga rosak seperti hidung, rongga mulut, trakea dan bronkus. Rerambut ( penapis kotoran dari memasuki rongga ) yang terdapat di dalam saluran pernafasan perokok telah rosak sehingga bahan beracun dalam rokok mendak pada sel dan menyebabkan kanser mudah membiak. Akhirnya perokok mengalami masalah salur pernafasan, batuk lambat baik, sinusitis, bronchitis dan lain-lain.

Bahan beracun yang ada di dalam rokok boleh merosakkan tisu paru-paru sehingga menyebabkan penurunan kecekapan paru-paru untuk menapis dan menghantar oksigen ke seluruh badan dan mengalami kesukaran bernafas. Merokok menyebabkan 90 % daripadanya kanser paru-paru dan perokok yang merokok 20 batang sehari mempunyai risiko 20 kali ganda berbanding bukan perokok untuk mendapat kanser paru-paru. Hanya seorang dari 10 pesakit tersebut dapat bertahan hidup lebih dari lima tahun.<sup>47</sup>

Maka menjauhi dari amalan merokok adalah lebih praktikal kerana ia bukan sahaja mengelakkan tubuh dari mudah dijangkiti penyakit, bahkan ia membantu membanteras amalan tersebut dari terus berleluasa. Selain itu, ia menjimatkan tenaga pihak berwajib membanteras gejala-gejala social dan mereka boleh menumpukan usaha-usaha pembangunan insane yang lebih sempurna.

<sup>47</sup> Ibid, hal : 50-51